

## **Elemen-Elemen Alam Sekitar Dalam Karya-Karya Terpilih Shahnon Ahmad**

Fazida Hj. Othman  
(Jabatan Kajian Sosial)

### **ABSTRAK**

Kajian kualitatif menggunakan kaedah analisis dokumen ini melibatkan penelitian elemen-elemen alam sekitar yang terdapat dalam novel *Srengenge*, *Tunggul-tunggul Gerigis*, *Ranjau Sepanjang Jalan*, *Seluang Menodak Baung* serta cerpen *Babi Hutan* dan *Gelungnya Terpokah* bagi karya Shahnon Ahmad. Elemen-elemen flora dan fauna dijumpai dalam novel *Srengenge*, elemen alam sekitar abiotik dari sudut alam sekitar semula jadi pula dominan dalam novel *Ranjau Sepanjang Jalan*, manakala kehadiran elemen alam sekitar buatan manusia seperti pencemaran kesan pembalakan dan pembinaan jalan raya serta deruman motosikal ketara dalam novel *Tunggul-Tunggul Gerigis*. Novel *Ranjau Sepanjang Jalan* juga mempunyai elemen flora dan fauna terutamanya haiwan akuatik. Bagi cerpen pula, *Babi Hutan* memaparkan elemen alam sekitar semula jadi, manakala cerpen *Gelungnya Terpokah* elemen alam sekitar biotik pula dimasukkan bagi memantapkan ceritanya. Elemen-elemen alam sekitar dalam karya Shahnon Ahmad sememangnya mendidik pembaca mencintai alam sekitar dan kepentingannya kepada kehidupan manusia sampai bila-bila serta impak-impak yang mesti dilalui akibat kerosakan oleh tangan-tangan manusia yang rakus.

### **ABSTRACT**

*This is a qualitative study using the document analysis method involves the observation of environmental elements in the Srengenge, Tunggul-tunggul Gerigis, Ranjau Sepanjang Jalan, Seluang Menodak Baung novels and Babi Hutan dan Gelungnya Terpokah short stories written by Shanon Ahmad. The flora and fauna elements are found in Srengenge novel, the element of biotic environment from the natural environment perspective is dominant in the Ranjau Sepanjang Jalan novel, whereas the existence of man made element such as pollution, illegal logging, road construction and the sound of motorcycle are prominent in the novel Tunggul-tunggul Gerigis. The Ranjau Sepanjang Jalan novel also has the flora and fauna elements especially the the aquatic animals. For short stories, Babi Hutan reveals the natural environment element, in the Gelungnya Terpokah, the element of biotic environment is included. The environmental elements in Shanon Ahmad's writing educate the readers to love the environment and to realize its importance towards human life and to ponder of the impacts of destroying done by the irresponsible human beings.*

## LATAR BELAKANG KAJIAN

Kertas kerja ini akan cuba membincangkan kehadiran elemen alam sekitar dengan mengklasifikasikan bentuknya dalam karya-karya terpilih Shahnon Ahmad yang terdiri daripada empat novel dan dua cerpen. Karya-karya tersebut adalah novel *Ranjau Sepanjang Jalan*, *Rentung*, *Srengenge* dan *Tunggul-tunggul Gerigis* manakala cerpen pula adalah *Babi Hutan* dan *Gelungnya Terpokah* yang dipetik dari antologi *Debu Merah*.

Kajian ini akan cuba menganalisis bagaimana pengarang cuba mengintegrasikan dan mengharmonikan elemen alam sekitar dalam karya mereka berdasarkan dua elemen alam sekitar utama iaitu alam sekitar biotik dan alam sekitar abiotik. Kedua-dua elemen ini pula akan dipecahkan kepada beberapa bahagian yang lebih spesifik.

Beliau juga menyerlahkan falsafah alam sekitar di sebalik agama Islam melalui watak-watak dalam karya-karya beliau, contohnya Lahuma dalam *Ranjau Sepanjang Jalan* mengamalkan satu bentuk interaksi yang harmoni dengan alam sekitar, iaitu tidak menganiayai hidupan yang lemah, bertepatan dengan dialog "*Aku tidak akan menganiayai segala insan dan makhlukMu. Aku tak akan membunuh segala bencana yang tidak mengganggu perjuanganku dan seluruh keluargaku*" (*Ranjau Sepanjang Jalan*:21). Dalam *Srengenge* pula, kematian Imam Hamad dipercayai sebagai 'balasan' alam ke atasnya setelah bertindak membunuh 'Jebat', tekukur peliharaannya secara kejam sewaktu dinihari di Bukit Srengenge. Penduduk kampung percaya bahawa tindakannya menimbulkan kemarahan flora dan fauna lain yang mendiami hutan di bukit tersebut. Begitu juga dalam karya-karya beliau yang lain di mana pelbagai bentuk kehadiran elemen alam sekitar akan dianalisis dari sudut alam sekitar biotik dan abiotik.

### *Alam Sekitar Abiotik*

Abdullah Mohd Said dalam bukunya *Pengurusan Sumber dan Alam Sekitar* mengkelaskan alam sekitar abiotik sebagai komponen ekosistem yang terdiri daripada faktor-faktor yang tidak bernyawa atau alam sekitar bukan hidup. Alam sekitar ini pula diklasifikasikan kepada dua bentuk yang meliputi alam sekitar semulajadi dan alam sekitar buatan manusia.

### *Alam Sekitar Semulajadi*

Alam sekitar semulajadi terdiri daripada perkara-perkara yang berkaitan dengan persekitaran semulajadi sama ada berbentuk fizikal seperti suhu, iklim, kelembapan, angin, keamatan matahari, badan air (kedalaman, air hujan, arus sungai, ombak, laut, tasik dan sepertinya) dan topografi; atau berbentuk kimia seperti gas-gas, nutrien, keasidan, garam mineral dan kemasinan (Mohd Noor Ramlan, 1999).

Memandangkan Shannon banyak berkarya pada tahun-tahun 1960-an dan 1970-an dengan berlatarbelakangkan kampungnya di Kedah, Kampung Banggul Derdap, maka alam sekitar semula jadi mendominasi keadaan terutama dalam novel *Tunggul-tunggul Gerigis*. Alam sekitar semulajadi ini dikesan melalui keadaan cuaca seperti hujan, mendung dan banjir: suasana di subuh hari, pagi, malam, dan siang: keadaan alam seperti bentuk muka bumi, hutan, sungai, bukit serta proses biologi bagi floral dan fauna.

.....Sudah seminggu lebih cuaca di daerah perkampungan Poseng lembab dan lecah. Hujan suka sangat turun di sebelah pagi sehingga tak boleh langsung toreh getah atau kerat mengkuang buat tikar. Di sawah padi, Pokok-pokok padi pun lonjak naik dengan cepat macam pucuk di rimba tujuh langit. Tapi kalau demikian jugalah cuaca sampai makan masa dua, tiga bulan, akan terus bertakunglah air di petak-petak. Dan setengah-setengah tenggelamlah batang padi. Kalau tak tenggelam sampai pucuk, perdu-perdunya akan reput dan bau hanyir kerana lama sangat terendam dalam air hujan. Akhirnya banyak daun terkulai dan banyaklah berubah warna kuning-kuningan. (Tunggul-tunggul Gerigis: 115)

Kehadiran elemen matahari dan bulan serta putaran bumi yang menjadikan siang dan malam lantas wujudnya pagi, petang, tengah hari dan malam memang tidak dapat dielakkan dalam mana-mana karya sastera pun. Dalam *Srengenge*, suasana malam yang kadang kala terhias bintang, bulan purnama atau ditutupi mendung ini sering digambarkan Shanon untuk memberi kesan mendalam terhadap watak-watak kesayuan, kerinduan atau menyerlahkan keresahan, kebimbangan dan ketakutan watak tertentu.

Malam sudah larut betul bila Hajjah Munah dan Imam Hamad minta diri. Seharusnya malam-malam larut itu Kampung Kaki Srengenge gelap sekali. Tapi malam itu bulan kembang bulat. Cerahnya mengharukan. Cahaya yang lembut menyinari bukit-bukau dan halaman. Sepi menusuk jantung. Katak-katak yang biasanya galak waktu senja senyap macam kena pukau. Terasa angin malam menyapu muka. Srengenge tersergam di bawah sinaran bulan yang kembang di langit. Mereka ketawa. Dan kesepian malam yang menusuk jantung itu terasa cacat. Tapi tak lama. Kesepian bersambung lagi. Lengang dan mengharukan. (Srengenge:70)

*Rentung* memulakan ceritanya dengan menggambarkan suasana malam. *Malam masih muda. Daerah pedalaman itu susah diselubungi kesepian; kesepian yang menusuk-nusuk hati dan sudut-sudut jantung...* dan mengakhiri novel ini juga dengan gambaran suasana malam. *Mereka yang mendengar bersorak lagi. Malam sudah dinihari. Dan mereka berjaga hingga kelihatan fajar di puncak bukit.*

Kehadiran alam sekitar semula jadi dari kehijauan alam flora juga mendominasi karya-karya Shanon seperti *Srengenge* dan *Ranjau Sepanjang Jalan*. Ini bersesuaian dengan plot novel dan cerpen yang menggambarkan kehidupan di tepi rimba atau berdekatan rimba. *Srengenge* berjaya mengheret pembaca hingga ke akhir bagi mengetahui sama ada Awang Cik Teh berjaya dalam usahanya mengajak penduduk kampung menutuh Bukit Srengenge menjadi huma. Walau bagaimana pun, Shahnon berjaya menampilkan *Srengenge* sebagai bukit yang subur dan indah dengan flora dan faunanya yang banyak.

Seperti biasa *Srengenge* menyambut kedatangan pagi dengan keadaan yang segar bugar. Kehijauan daun-daun membayangkan kesegar-bugaran itu. Pucuk-pucuk meranti, merbau, pinang baik dan lain-lain kayu-kayan nampak sayup-sayup menajah awan. Sekali tak sekali pucuk-pucuk itu bergoyang. Mungkin disebabkan kera dan lontong bergayutan dari dahan ke dahan kesegar-bugaran *Srengenge* pagi-pagi begitu jelas terasa. (Srengenge: 46)

Alam sekitar semulajadi dalam *Ranjau Sepanjang Jalan* dihadirkan sebagai satu bentuk bencana yang mewujudkan persaingan sengit antara spesies, sama ada tumbuhan dengan tumbuhan, tumbuhan dengan manusia, haiwan dengan haiwan dan haiwan dengan manusia yang menimbulkan konflik. Dalam cerpen Babi Hutan pula, pencarian babi hutan bertaring kuning oleh Nibung berakhir dengan konflik antara keduanya apabila ibu dan dua adiknya mati dibunuh babi tersebut. Bersesuaian dengan kehidupan orang asli di rimba, elemen fauna iaitu babi hutan bertaring kuning dijadikan satu kemestian untuk memining anak dara suku Temiar. Ibu Nibung keberatan membenarkannya pergi mencari babi hutan tersebut kerana bimbang akan tragedi yang menimpa bapa Nibung berulang,

Dalam *Tunggul-Tunggul Gerigis* pula, persaingan antara flora ditampilkan dengan pokok yang mati digantikan dengan yang baru. "Pokok itu sudah lama mati. Dan bila angin meliuk, ranting-ranting dan dahan...berderailah jatuh ke bumi...Di sisi medang sudah tumbuh anak baru. Sudah pun nampak galak menajah angkasa dengan daun-daun kering hijau yang lebar..." (Tunggul-Tunggul Gerigis: 9)

Konflik antara Awang Cik Teh dengan elemen flora di Bukit Srengenge, sebenarnya lebih kepada keinginannya untuk meneroka tanah di bukit itu. Penerokaan yang sebenarnya lebih kepada kemusnahan hutan tetapi tidak disedari segelintir manusia. Kesedaran tentang alam sekitar ini menunjukkan betapa pentingnya pendidikan untuk umat manusia.

Alam sekitar semulajadi juga diterapkan secara kreatif oleh pengarang apabila menceritakan aktiviti biologi tubuh haiwan, iaitu kerbau, yang terpaksa melalui kesakitan apabila disiram dengan cuka getah bertujuan membunuhnya secara perlahan. Shahnon memaparkannya secara terperinci dalam cerpen beliau *Gelungnya Terpokah*.

Kulit kerbau hitam yang gemuk dan berguh itu kini merah macam cabuk naik bias. Cuka getah Jusoh sudah menjalankan tugasnya dengan seratus peratus kejayaan. Mulai dari tulang belakang cuka terbisa itu mengalir ke kiri kanan perut hingga tertumpu pusat. Tiga hari kerbau itu tidak berganjak dari peraduannya. Siang malam berkurung dalam tahi. Cabuknya merebak luas. Kulitnya mengoyak-ngoyak dan sana sini kedapatan nanah likat berombak. Dan di tengah-tengah ombak nanah itu kedapatan pula ulat kecil-kecil tindih-menindih satu sama lain. Bolah memuntahkan siapa menjenguknya. Dan bila masuk hari keempatnya, kerbau itu pun berhenti bernyawa. Matanya terbelalak. Di tengah mata yang terbelalak itu kelihatan urat-urat merah terbentang menandakan siksaan yang tak boleh diceritakan. (Debu Merah:31)

### ***Alam Sekitar Buatan Manusia***

Menurut Mashitoh Yaacob (1999), alam sekitar buatan manusia merangkumi hasil persekitaran berdasarkan kreativiti manusia yang mengambil unsur-unsur dari persekitaran sebagai ramuan penghasilannya. Beliau mengklasifikasikan alam sekitar buatan manusia kepada beberapa bentuk iaitu binaan dan bangunan, hasil buatan tangan dan perkakasan rumah, dan barangan separa siap yang dihasilkan dari elemen alam sekitar tertentu.

Paparan alam sekitar buatan manusia berbentuk binaan dan bangunan terdapat dalam semua novel kajian yang boleh dilihat melalui gambaran rumah, masjid, balai raya, pondok, dan jambatan. Walau bagaimana pun, Cuma sebahagian yang memperincikan tentang bahan alam sekitar buatan manusia ini, contohnya:

”Kalau dilihat dari belah rusuk, nampak macam tudung saji saja;tudung saji yang terletak di atas empat tiang empat persegi kedudukannya. Tiang-tiang itu ternyata daripada kayu teras merbau kerana kerasnya amat terasa dan warnanya juga tidak malap-malap. Satu galah tingginya sehingga antara tiang-tiang berempat itu terpaksa ditumpang lagi dengan kayu-kayu bulat; entah meranti, entah pinang baik. Antara tiang-tiang itulah disisipnya dinding-dinding yang juga dari merbau sehingga empat penahapnya benar-benar serupa coraknya dan serupa kekuatannya. Dibuatnya empat pintu besar; dua pintu belah hadapan, satu di setiap rusuk. Tingkap-tingkap ada di semua empat penahap itu dengan jerjak-gerakannya dari kayu merbau juga”.

(Tunggul-tunggul Gerigis: 94)

Alam sekitar buatan manusia berbentuk hasil buatan tangan pula memang banyak terdapat dalam novel-novel dan cerpen-cerpen kajian. Terutama dalam kehidupan Orang Asli suku Negrito dalam cerpen beliau *Babi Hutan*, Shahnon begitu berpengalaman mengungkapkan segala hasil buatan tangan yang utama dalam kehidupan seharian suku kaum ini. Peralatan seperti *keranjang rotan emas, sumpitan dengan racun ipuh, buku gelegar dangau, anak panah, bendul buluh, serombong buluh, dan tali kulit bemban*. Begitu juga dengan *daun rokok* yang dibuat *pengorek*

*telinga dan jemburan buluh gelegar*. Mungkin peralatan sebegini begitu asing pada kita masa kini. Peralatan sebegini merupakan hasil daripada elemen alam sekitar sama ada diperbuat daripada rotan, buluh, mengkuang atau pun tumbuhan lain.

Perkakasan rumah dan perabot yang dihasilkan dari elemen alam sekitar biotik, contohnya flora juga banyak ditampilkan Shahnon dalam karya-karyanya. Flora dari bentuk asalnya telah diubah oleh manusia untuk digunakan seperti rokok, dari pokok tembakau atau kayu yang digunakan untuk membuat tempat tinggal.

Rumah Debasa rajin bersalin atap bertam. Dan bertam Cuma dapat di bukit Srengenge. Saad Cik Teh tak habis-habis salin dinding pelupuh. Dan bulu dinding rimba memang jenuh di bukit Srengenge. Itu tak termasuk turus pagar, akar rotan, dan palas. (Srengenge:140)

Penggunaan faktor abiotik melalui alam sekitar buatan manusia juga dominan dalam novel *Tunggul-Tunggul Gerigis*. Alam sekitar buatan manusia ini telah dibaurkan dengan alam sekitar semulajadi dengan harmoni dan berjaya. Namun kecenderungan Shahnon lebih untuk menunjukkan kesan negatif yang dibawa oleh elemen alam sekitar buatan manusia ini terhadap alam. Ini jelas melalui pemerhatian watak utamanya, Su Usul yang merasakan "...*Kebahangan meruap di atas jalan raya yang terbentang memanjang membelah bumi Poseng*". Selain itu pembinaan jalan raya juga tidak disenangi Su Usul yang sudah tua kerana telah mencemarkan keadaan alam yang indah sebelumnya. Kesan dari pembinaan jalan raya itu telah menyebabkan hakisan tanah, pencemaran bunyi dan pencemaran udara. Ini dapat dilihat melalui petikan di bawah:

"Di luar hujan masih mencurah-curah membasahi bumi Poseng. Meskipun curahannya tidak selebat mana tetapi tanah-tanah yang berlopak menakung air juga. Kecuali di jalanraya Poseng yang baru dibina itu sahaja tidak berlopak. Jalan itu diperbuat daripada batu kerikil yang keras, ditarkan pula. Air hujan tak melekat lagi. Lari air itu ke sebelah menyebelah jalan. (Tunggul-Tunggul Gerigis:121)

Elemen alam sekitar semula jadi biotik juga menyumbang sebagai sumber makanan kepada manusia. Suku kaum orang asli Negrito misalnya menggemari daging tupai padi berbulu perang yang telah disalai yang dibuat kerabu untuk dimakan bersama lemang ubi kayu berbalut pandan beach; "...*Ibunya dan dua orang adiknya pasti riang. Dia tahu ibunya ketagih lemang ubi kayu berbalut pandan beach. Dan lemang ubi kayu akan lebih sedap kalau dikerabu pula dengan daging tupai...*"

(Babi Hutan dari Debu Merah : 57)

Sementara dalam novel *Srengenge* pula dinyatakan bagaimana pulut, kopi dan daging pelanduk dijadikan makanan dan minuman seharian. "...daging pelanduk itu sedap dibuat kerabu (Srengenge 17), "Pulut kukus dalam periok ditonyoh-tonyoh masuk sumpit. Terjenguk-jenguk di atas para mencari kelapa kukur dan tamban tergeliat

tengkuk yang dibakar awal-awal tadi..." (Srengenge 39) dan "Kopi saja sudah sebelanga digoreng tadi..." (Srengenge 155)

Memang manusia bersifat kreatif tetapi sikap manusia dalam menggunakan elemen-elemen alam sekitar dalam kehidupan mereka akan menentukan kelestarian atau kemusnahan alam sekitar ini.

### ***Alam Sekitar Biotik***

Alam sekitar biotik merupakan alam sekitar hidup yang mempunyai perkaitan dengan hubungan antara organisma lain yang menduduki sesuatu komuniti. Sesuatu organisma tidak boleh hidup bersendirian dan saling berhubungan dengan organisma lain sama ada dari jenis spesiesnya sendiri atau bukan dari spesiesnya. (Mohd Noor Ramlan, 1999). Alam sekitar Biotik boleh dipecahkan kepada tiga bahagian utama iaitu, alam flora, alam fauna, dan alam sekitar sosial atau alam sekitar kemanusiaan dan budaya.

### ***Alam Flora***

Menurut Mashitoh Yaacob (1999), flora sebagai alam tumbuhan dari peringkat tinggi sehingga rumpair seperti alga. Mashitoh turut mengklasifikasikan alam flora kepada dua bahagian iaitu, flora yang berkaitan dengan aktiviti penanaman dan flora dari alam semulajadi yang tumbuh tanpa campur tangan manusia.

*Ranjau Sepanjang Jalan* hanya mengangkat tanaman padi sebagai aktiviti pertanian yang diketengahkan, manakala flora semulajadi terdiri daripada rumput dan menerung. Kedua-dua jenis flora ini telah diangkat pengarang secara menyeluruh dalam novel ini dan diulang hampir setiap halaman yang turut memaparkan persaingan ruang antara tumbuhan dan tumbuhan. Secara tidak langsung telah menyerlahkan kepentingan nilai "padi" dalam kehidupan watak dan memaparkan kesungguhan watak menentang musuhnya, iaitu rumput dan menerung seperti dikemukakan dalam ayat "...menerung dan rumput bulu landak ditentang bagaikan musuh yang paling ganas".

Begitu juga dalam cerpen *Gelungnya Terpokah*. Gelung di sini dikaitkan dengan aktiviti penanaman padi. Bagi Jusoh, padi merupakan tunggak utama dalam menjamin kelestarian hidupnya sekeluarga dan sanggup berbuat apa saja kalau sawah padinya diganggu.

"Terbayang di mata Jusoh yang beranak tujuh, Petaknya kali ini akan menjadi petak yang subur. Padinya lebat. Dan besar-besar pula bijinya. Dan anaknya yang tujuh orang itu bukan saja tidak kebuluran tapi juga dapat makan nasi tiga kali sehari."  
(*Gelungnya Terpokah*: 24)

### ***Alam Fauna***

Mashitoh Yaacob (1999) mengklasifikasikan alam fauna sebagai alam haiwan sama ada dalam ekosistem akuatik (air tawar dan laut) mahu pun darat atau teristeral. Penggunaan alam fauna dalam karya sastera melayu terbahagi kepada dua bahagian, pertama adalah teristeral atau darat yang terbahagi kepada empat iaitu, Serangga, Binatang peliharaan, Burung dan Haiwan liar di hutan. Kedua adalah Ekosistem akuatik yang terbahagi kepada dua iaitu, Haiwan air tawar dan Haiwan laut.

Bertepatan dengan tajuknya, cerpen *Babi Hutan* memfokuskan kepada pencarian Nibung akan seekor babi hutan bertaring kuning yang akhirnya menimbulkan persaingan antara dua spesis tersebut. Walau bagaimanapun, elemen fauna lebih dominant dalam novel *Srengenge*. Antara elemen fauna yang diserlahkan Shahnon dalam *Srengenge* adalah fauna darat dari kumpulan burung dan haiwan liar di hutan. Burung terutama *tekukur* memang menonjol dalam *Srengenge*. Ini kerana bukan saja tekukur liar tapi tekukur yang ditangkap di bukit Srengenge juga menjadi kegilaan beberapa penduduk kampung termasuklah imam mereka, Imam Hamad. Penceritaan mengenai burung tekukur ini memang diperincikan Shahnon bagi memberi informasi kepada pembaca.

Imam Hamad sendiri sibuk dengan Si Jebatnya. Kadang-kadang mahu rasanya dia bersabung dengan Si Didik Diah. Tapi itu hanya satu kemahuan cuma. Si Didik besisik tidak genap. "...Lagipun kepak Si Didik berbingkas ciding. Dia cukup bimbang. Manalah tahu. Baik tak baik ubun-ubun Si Jebat bergerak bila kena kepak bingkas ciding. Si Didik Diah." (Srengenge: 15)

Dalam cerpen *Gelungnya Terpokah* dan novel *Rentung* pula, alam fauna yang lebih menonjol adalah dari kumpulan binatang peliharaan iaitu kerbau dan lembu. Kerbau digabungkan tenaga dengan Jusoh untuk mengerjakan tanah sawah dan memang menjadi tunggak utama dalam pertanian tradisional, "...Kerbau gagah itu membedal-bedal kedua telinganya tanda kelegaannya. Sehari suntuk membahang. ...Malam itu kerbau bertanduk songsang akan mengeruh hingga ke subuh".

(Gelung Terpokah dalam Debu Merah: 25)

Meskipun fauna teristeral mendapat lebih perhatian dalam karya-karya kajian namun dengan berlatar belakangkan sawah padi tentu fauna akuatik turut dimuatkan. Ini terserlah dengan penerangan tentang sepat, haruan, ketam walau pun berada dalam tahap yang sedikit.

### ***Alam Sekitar Kemanusiaan dan Budaya***

Alam sekitar kemanusiaan atau sosial dan alam sekitar budaya merupakan satu cara tingkah laku, pengetahuan, cara berfikir dan bertindak, sikap, kesedaran, nilai dan etika, dan moral yang diamalkan sesuatu kelompok manusia dalam kehidupan mereka

untuk berinteraksi dengan persekitarannya (Mashitoh Yaacob, 1999). Dalam falsafah alam sekitar, manusia merupakan antara elemen alam sekitar yang tersendiri dan tidak sekadar bersifat abiotik kerana setiap tingkah laku manusia bertunjangkan akal, berbanding elemen alam sekitar yang lain. Alam sekitar kemanusiaan dibahagikan kepada dua bahagian pula iaitu, Agama dan kepercayaan dan Aktiviti manusia, sama ada yang memelihara atau mencemarkan alam sekitar.

Kepercayaan manusia boleh dilihat melalui amalan dan kepercayaan animisme yang dikemukakan Shahnon dalam novel *Srengenge*. Dialog, "...*Imam sakit, sapanya. Baik tak baik ditegur datuk? Terkenakah? Tertegurkah? Tak sapa datukkah? Kena buatkah? Terlangkah pongsu jantankah? Berak di kuburkah? Tertegur datuk rimau puntung purunkah? Kalau Srengenge, tertegurlah apa lagi. Baik tak baik tertegur puaka empat beradik...*" (Srengenge:102-104)

Shahnon juga mengutarakan kegiatan pemujaan terhadap unsur-unsur alam seperti bukit yang dipercayai mampu menyembuhkan penyakit selain memohon keampunan dan keberkatan. Amalan animisme dalam kalangan umat Islam yang berlaku secara meluas terutama pada tahun 1960an dipaparkan Shahnon melalui ayat, "*Pernah tuk bomoh Kampung Banggul Derdap menjamu jin dan penunggu untuk menyekat kedatangan itu?..*" (158). Dalam *Srengenge* pula dinyatakan bagaimana alam fauna dan flora terutama yang liar dan yang terdapat di Bukit Srengenge dikatakan menjadi punca Imam Hamad tak sedarkan diri secara tiba-tiba. Ini dikuatkan lagi dengan tindakannya 'membunuh' Jebat di hutan tersebut. Alam fauna dan flora pada mereka perlu 'dijaga' juga.

Dalam pada itu, Shahnon tidak lupa pada pangkat yang dipegang oleh watak Imam Hamad bila dia mengungkapkan, "*Allah mewujudkan alam. Allah mengkiamatkan alam*".

Dalam sesebuah masyarakat, kegiatan atau aktiviti, cara hidup dan amalan sosial yang seterusnya menjadi budaya mereka telah mewujudkan satu bentuk interaksi yang tersendiri dengan persekitaran. Hubungan ini boleh mencetuskan interaksi yang pelbagai dengan alam sekitar sama ada yang menyumbang ke arah kelestarian alam sekitar atau ke arah pencemaran alam sekitar. Ini terungkap dalam tindakan Awang Cik Teh yang benar-benar ingin memugar Srengenge untuk dijadikan huma buat menanam pelbagai tanaman. "*Dan bila semuanya sudah sedia, srengenge akan diserang. Mengkudu, cenerai, semak samun, akar rotan yang menjalar, semuanya akan ditebas. Biar segala binatang merayap habis mati dipijak-pijak dan dipukul-pukul...*" (Srengenge: 76)

Corak pengurusan alam sekitar yang kurang mapan tanpa penggunaan strategi pembangunan ekonomi secara berterusan menjadikan elemen alam sekitar sering terabai apabila melibatkan pembangunan. *Ranjau Sepanjang Jalan* menggunakan elemen banjir sebagai satu bentuk bencana alam. Banjir berlaku kerana kelemahan

sistem saliran, iaitu sungai yang melimpah apabila berlaku hujan berterusan dalam satu jangka masa lama. Kelemahan ini telah mengancam kehidupan manusia apabila tanaman, ternakan dan harta benda mereka musnah. Banjir yang berlaku juga menyebabkan bahan buangan pepejal dan bahan kumbahan tidak terurus serta boleh mengganggu kesihatan awam seperti dinyatakan dalam ayat:

”Balak dari hulu akan mengalir bersama air keruh itu. Balak bersama sampah, dahan-dahan kayu mati, ranting-ranting, daun-daun kayu yang kering, tong-tong sampah, tin-tin yang berlonggok-longgok di sebelah hulu belakang, kedai-kedai Cina, kertas yang kembang dan berkecai, tahi lembu, tahi kerbau, tahi kambing, tahi manusia...semuanya diheret oleh aliran air yang keruh itu”

(Ranjau Sepanjang Jalan: 206)

Pembakaran terbuka dan penerokaan tanah baru merupakan antara penyumbang terhadap pencemaran alam. Shahnon telah menyentuh isu pembakaran terbuka melalui ayat, "*Biar semua pokok-pokok kayu kapal terbang dan akar-akar yang liar itu dicerahkan dulu. Kemudian dibakar habis untuk dibuat baja*" (Ranjau Sepanjang Jalan:29). "*Srengenge akan ditebas dan ditebang dan dibakar dan ditajuk. Srengenge tidak akan tinggal bukit lagi*" (Srengenge:14)

Elemen alam sekitar biotik sememangnya digunakan secara meluas dalam karya kajian kerana pemilihan unsur-unsur kedesaan sebagai latar belakang plot. Tidak dapat dinafikan, suasana desa lebih kaya dengan elemen fauna dan flora berbanding di Bandar.

## **KESIMPULAN**

Elemen alam sekitar dalam tulisan kreatif memang tidak dapat dinafikan kehadirannya. Ini bagi memantapkan makna, memaparkan unsur-unsur perlambangan di samping mewarnai budaya tempatan. Shahnon berjaya mengharmonikan kesemua elemen alam sekitar dalam karyanya yang berfungsi sebagai pelengkap dan bukannya sekadar tempelan untuk menyedapkan cerita.

*Srengenge* sememangnya banyak menonjolkan elemen-elemen alam sekitar sesuai dengan tajuknya yang diambil dari nama bukit. Selain itu elemen fauna dalam kumpulan burung dan haiwan-haiwan liar lain yang menjadikan Bukit Srengenge sebagai habitat diulang-ulang supaya gambaran tentang bukit tersebut berserta alam fauna dan floranya terpahat di ingatan pembaca. Pembaca seolah-olah merestui kematian misteri Imam Hamad setelah tindakannya membunuh Jebat, tekukur peliharaannya secara kejam turut disaksikan flora dan fauna lain yang mendiami Bukit Srengenge. Ini lantas membawa kepada 'penyembahan' kepada Bukit Srengenge dan unsur-unsur ghaib yang mendiaminya yang mungkin mampu menolong menyembuh penyakit Imam Hamad.

*Ranjau Sepanjang Jalan* memaparkan elemen alam sekitar abiotik dari sudut alam sekitar semulajadi secara dominant, manakala alam sekitar kemanusiaan dan budaya dalam bentuk agama, kepercayaan dan amalan serta alam fauna berada pada tahap sederhana. Alam sekitar buatan manusia dan alam flora juga agak sedikit tetapi tanaman padi dan menerung ini diulang-ulang dari awal hingga akhir sehingga terasa kehadirannya secara menyeluruh.

Pencemaran alam kesan dari pembalakan serta pembinaan jalan raya ditambah dengan deruman motosikal memang ketara dalam *Tunggul-Tunggul Gerigis*. Kehadiran elemen alam sekitar buatan manusia ini paling jelas dalam novel ini. Namun alam sekitar kemanusiaan dan budaya agak kurang menyerlah begitu juga dengan fauna dan flora. Namun elemen ini diulang-ulang Shahnon kerana fokus pada plot cerita berhubung kait dengan haiwan-haiwan yang dinyatakan.

Sebagaimana *Ranjau Sepanjang Jalan*, novel *Rentung* juga mengulang-ulang elemen floranya tetapi kemudiannya dihadirkan pula elemen fauna dalam bentuk haiwan liar. Alam sekitar semulajadi kurang ditonjolkan cuma sekali sekala digambarkan suasana malam, pagi dan tengah hari. Alam fauna akuatik juga agak menonjol dibincangkan dalam karya ini dengan kehadiran lintah, pacat, ikan-ikan dan katak. Seperti dinyatakan di atas, elemen alam sekitar sosial memang tidak dapat dinafikan kehadirannya.

Bagi cerpen *Babi Hutan* pula, elemen alam sekitar semula jadi dilihat mendominasi cerita berdasarkan pemilihan nama untuk watak-watak, kehidupan rimba orang asli, serta interaksi dengan alam hutan untuk mendapatkan hasilnya. Begitu juga dengan elemen alam sekitar buatan manusia di mana watak menggunakan elemen ini untuk kelestarian hidup iaitu sebagai makanan dan tempat tinggal serta peralatan yang digunakan.

Dalam *Gelungnya Terpukah* elemen alam sekitar biotik iaitu Jusoh, kerbau dan tanaman padi digabungkan secara harmoni untuk membentuk satu plot yang menarik. Di sini juga perincian tentang alam semula jadi dalam bentuk proses biologi dimasukkan bagi memantapkan cerita di samping memberi informasi kepada pembaca.

Saya belum berjumpa dengan satu penulisan pun dari Shahnon mengenai alam sekitar dalam karya-karya beliau. Sama ada dinyatakan secara spesifik atau tidak, karya-karya kajian hasil tulisan beliau terserlah kewujudan elemen-elemen ini. Elemen-elemen inilah yang mampu mewujudkan dan mendidik khalayak pembaca akan sikap cintakan alam sekitar dan kepentingannya kepada kehidupan manusia kini dan selamanya di samping menilai impak-impak yang mesti dilalui akibat pembangunan yang mapan.

## **BIBLIOGRAFI**

- Aveling, Harry. (2000). *Shahnon Ahmad: Islam, Gender and Power*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia
- Abdullah Mohammad Said. (1999). *Pengurusan sumber dan alam sekitar*. Shah Alam: Institut Teknologi MARA.
- Maharam Mamat. (t.t). Elemen Alam Sekitar dalam Novel-novel penulis Malaysia pilihan. *Prosiding Persidangan Pengajian Melayu ke-2*.
- Mashitoh Yaacob. (1999). Kajian sudut pandangan falsafah alam sekitar terhadap kumpulan cerpen muktahir tiga penulis wanita. *Buletin Pusat Pengajian Umum. bil.1(1)*. Bangi: Pusat Pengajian Umum, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Noor Ramlan. (1999). *Ekologi asas dan alam semula jadi terpilih*. Shah Alam: Universiti Teknologi MARA.
- Mohd Yusof Hasan. (1990). *Sasterawan Negara: Shahnon Ahmad*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Yusof Hasan. (1995). Koleksi Terpilih *Sasterawan Negara: Shahnon Ahmad*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Shahnon Ahmad. (1980). *Debu Merah*. Pulau Pinang: Teks Publishing Sdn. Bhd.
- Shahnon Ahmad. (1983). *Rentung*. Kuala Lumpur: Teks Publishing Sdn. Bhd.
- Shahnon Ahmad. (1988). *Srengenge*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Shahnon Ahmad. (1989). *Gubahan Novel*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Shahnon Ahmad. (1990). *Tunggul-tunggul Gerigis*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.